

20/03/1998

3 pilihan pulih ekonomi Asia Tenggara

Azizi Othman in Hanover

HANOVER, Khamis -Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara Asia Tenggara perlu diberi pilihan untuk menentukan jalan keluar mereka sendiri daripada kemelut ekonomi yang melanda rantau itu.

Menurut Perdana Menteri, pilihan menentukan masa depan sendiri itu perlu diberikan atas nama keadilan dan kesaksamaan sejagat.

Menggariskan tiga pilihan yang boleh diambil Asia Tenggara dalam menyelesaikan masalah itu, beliau berkata usaha memulihkan ekonomi bagi mewujudkan masa depan yang lebih baik, perlu dibuat segera.

"Kita mesti berusaha untuk pulih sekarang juga kerana kini ramai yang mengalami masalah seperti kekurangan makanan, ubat serta tidak pasti apa yang akan berlaku kepada mereka pada masa depan.

"Masa depan yang akan dibentuk itu juga mestilah sedikit berbeza daripada sebelum ini bagi mengelak kemelut berulang," katanya ketika menyampaikan ucap terna di Forum Perniagaan Malaysia-Jerman, di sini hari ini.

Dr Mahathir tiba di sini pagi ini untuk lawatan kerja tiga hari. Pagi ini, beliau mengadakan pertemuan dengan Canselor Jerman, Helmut Kohl. Esok, beliau dijadual merasmikan seminar pelaburan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Selain membentangkan tiga pilihan menyelesaikan masalah itu, ucapan Perdana Menteri bertajuk 'Asia Tenggara Selepas Krisis Ekonomi - Prospek dan Cabaran Masa Depan', turut membidas sikap 'double standard' negara maju berhubung pelbagai usaha pemimpin Asia Tenggara membina ekonomi mereka.

Ini terbukti apabila Perdana Menteri menimbulkan beberapa persoalan ekonomi yang menunjukkan apabila pendekatan tertentu diambil Asia Tenggara, ia dikatakan salah, tetapi jika di negara maju, ia perkara biasa.

Mengulas terperinci pilihan memulihkan ekonomi itu, Dr Mahathir berkata cara pertama ialah mematuhi bulat-bulat saranan supaya Asia Tenggara bersepadu dengan ekonomi dunia yang bersifat global.

Menurut Perdana Menteri, sejak mencapai kemerdekaan negara-negara Asia Tenggara cenderung untuk melindungi ekonominya menerusi halangan tarif dan bukan tarif kerana percaya bahawa mereka patut mengutamakan pasaran untuk diri sendiri.

"Dalam pada itu kita juga berjaya menarik kemasukan pelabur menerusi pelbagai galakan seperti status bebas cukai dan ia amat berjaya sehingga kita mampu menubuhkan industri automotif canggih," katanya.

Dr Mahathir berkata, mungkin strategi itu boleh dikatakan memberi subsidi kepada syarikat tempatan dan asing, tetapi apa bezanya dengan pendekatan serupa yang digunakan oleh negara maju

"Di negara maju, tindakan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan memberi kawasan percuma atau pada harga murah kepada pelabur asing untuk menubuhkan syarikat yang mengambil pekerja, adalah biasa. Oleh itu, apa yang berlaku di Asia Tenggara bukanlah ganjil," katanya.

Beliau berkata, apabila Asia Tenggara melaksanakan program penswastaan, perkara yang sama berlaku iaitu kepemimpinannya dikatakan mengamalkan dasar 'kapitalisme kaum-kerabat'.

Mengambil contoh permohonan mendapatkan tender kontrak penswastaan, Dr Mahathir berkata memang semua pihak faham bahawa dalam persaingan yang mungkin membabitkan dua atau 2,000, pemenangnya hanya satu.

"Bagaimanapun, tidak kira siapa pun pemenangnya, ia akan dilabel sebagai 'kaum-kerabat' dan akibatnya muncul istilah 'kapitalisme kaum-kerabat' yang menggambarkan salah guna kuasa oleh kerajaan.

Dr Mahathir berkata, pendekatan kedua yang boleh digunakan ialah dengan menyelesaikan masalah penurunan nilai mata wang dengan membentuk dagangan berteraskan sistem barter.

Menurutnya, usaha itu akan menjadikan Asia Tenggara lebih bersifat Asia, dengan anggota Asean kini sudah pun bersetuju mengurus niaga menggunakan mata wang mereka sendiri.

"Memang ia masih sukar kerana nilai mata wang turun-naik, tetapi nampaknya nilai mata wang Asia Tenggara susut pada kadar hampir sama dan ini bermakna risikonya lebih rendah.

"Menerusinya, dagangan di antara dua negara tidak perlu dibayar bagi setiap urusan niaga sebaliknya hanya dibuat kepada negara yang mempunyai lebih banyak eksport.

"Ini membolehkan pegangan sejumlah besar mata wang negara rakan dagang itu dimansuhkan dan ia sebenarnya boleh diperluaskan ke peringkat global menerusi penubuhan sebuah rumah penjelasan," katanya.

(END)